



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 7/2007
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah mengurniakan perkenan bagi perubahan nama Jawatankuasa Kerja Pertahanan dan Keselamatan dengan secara rasmi diubah kepada Jawatankuasa Keselamatan Negara bermula pada hari Khamis, 27 Muharram 1428 bersamaan dengan 15 Februari 2007.

Sukacita juga diambil perhatian bahawa Sekretariat Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN) telah berpindah ke alamat seperti di bawah dan segala persuratan dan perhubungan hendaklah ditujukan ke alamat dan nombor talian seperti berikut:

Sekretariat Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKN)
Tingkat 2, West Wing,
Bangunan Centre For Strategic and Policy Studies
Simpang 347,
Jalan Pasar Baru, Gadong BE1318,
Negara Brunei Darussalam.

Tel No: 2425961 (Direct Line)
2445819 ext 52 & 53

Fax No: 2455916

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Keganasan Dihina, Kebahagiaan Terbina"

[PG DATO PADUKA HAJI ABDUL HAMID BIN PG HJ MD YASSIN]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (7)JPM/SK/2007
Tarikh : 24 Rabiulakhir 1428
12 Mei 2007